



JABATAN PERTANIAN NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUTHARGA : PPN.PP.30(N)/2026
HARGA INDIKATIF JABATAN : RM210,000.00

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang beralamat di Pulau Pinang yang berkelayakan serta memenenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk menyertai sebut harga berikut:-

MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJILARI SET FERTIGASI MEJA BAGI PROJEK PERTANIAN BANDAR BERIMPAK TINGGI DI DAERAH BARAT DAYA/TIMUR LAUT NEGERI PULAU PINANG

2. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran sebut harga ini adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri taklimat/lawatan tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

Tarikh	:	13 Ogos 2026 (Khamis)
Masa Pendaftaran	:	9.30 pagi
Masa Taklimat	:	10.00 pagi
Tempat	:	Bilik Seminar
		Pejabat Pertanian Daerah Barat Daya
		Jalan Sungai Nipah 11000 Balik Pulau P.Pinang
Kehadiran	:	Individu yang diberi kuasa dalam sijil sahaja
		dibenarkan

3. Tuan/Puan adalah diminta untuk membawa bersama dokumen-dokumen seperti senarai di bawah semasa sesi taklimat/lawatan tapak bagi tujuan semakan urusetia.

- i) **Kad Pengenalan**
- ii) **Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) di bawah kod bidang berikut :**
070303 – Peralatan dan Kelengkapan Pertanian / Ternakan / Akuatik
- iii) **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat yang masih sah tempohnya; dan**
- iv) **Cop Syarikat**

4. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga RM10.00 secara atas talian dan dimuat turun melalui sysP mulai **14 Ogos 2026 (Jumaat)**. Hanya syarikat-syarikat yang berdaftar dengan sysP serta menghadiri taklimat/lawatan tapak sahaja boleh membeli dokumen sebut harga.

5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan No. Sebut Harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **sebelum atau pada 21 Ogos 2026 (Jumaat) jam 12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang, Jalan Kulim Cherok Tok Kun, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

6. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

7. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh **90 hari** dari tarikh peti sebut harga ditutup. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>.

Pengarah Pertanian Negeri
Jabatan Pertanian Negeri
Negeri Pulau Pinang